

URUSAN RASMI ANTARABANGSA

Parlimen Malaysia Ogos 2008 - Februari 2009

BULAN	TARIKH	NEGARA	URUSAN
OGOS	1-10	MALAYSIA	Persidangan CPA 54 di Kuala Lumpur, Malaysia
	6	KOMANWEL	Lawatan Kerja Setiausaha Agong Komanwel Ke Atas Ketua Pembangkang
	18	THAILAND	Lawatan Delegasi Pegawai-pegawai Kanan Daripada Sekretariat Senat Thailand
	19 – 24	SINGAPURA	Persidangan <i>29th Asean Inter- Parliamentary Assembly (AIPA)</i> , Republik Singapura.
	28	EROPAH	Kunjungan Hormat H.E Vincent Piket, <i>Ambassador Of The Delegation Of The European Commission</i> Ke Malaysia Ke Atas Yang di-Pertua Dewan Rakyat
SEPTEMBER	18 – 29	PBB	Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Unga Ke 63 Di New York, Amerika Syarikat
	22	UNITED KINGDOM	Lawatan Dr.Malcolm Jack <i>Clerk Of House Of Commons</i> , United Kingdom
	23 – 24	MONGOLIA	Persidangan Ke-6 Ahli-Ahli Parlimen Dan Menteri Wanita Ulaanbaatar, Mongolia
OKTOBER	13	KENYA	Lawatan Delegasi Jawatankuasa Parlimen Kenya
	13	INDIA	Kunjungan Hormat Menteri Luar India, H.E.Vayalar Ravi ke atas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato, Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz
	30	SINGAPURA	Lawatan Delegasi Pegawai Kanan Pentadbiran Negara Singapura ke atas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Ronald Kiandee.
DISEMBER	1 – 3	VIETNAM	<i>AIPA Seminar On Enhancing Parliamentary Training Cooperation</i> , Ho Chi Minh, Vietnam
	2 – 4	KAZAKHSTAN	Kunjungan Hormat H.E Senator Oralbay Abdykarimov, <i>Head Of Delegation of Kazakhstan</i> ke atas Yang di-Pertua Dewan Negara
	13 – 14	VIETNAM	Perhimpunan Agung <i>Asian Forum Of Parliamentarians On Population And Development (AFPPD)</i> kali ke-9
	16 – 19	SRI LANKA	Lawatan Kerja <i>Deputy Chairman of Committee of Sri Lanka</i> ke Parlimen Malaysia
	22 – 23	IRAN	Lawatan Rasmi Y.A.B Perdana Menteri ke Republik Islam Iran
JANUARI	9 – 11	FILIPINA	<i>The Third International Conference Of Muslim Leaders</i> , Makati City, Philippines
	11 – 15	LAOS	<i>The 17th Annual Meeting Of The Asia Pacific Parliamentary Forum (APPF)</i> Vientiane Capital Laos
FEBRUARI	2 – 7	LONDON	<i>CPA UK Branch Conference On International Migration And Human Trafficking</i> , Westminster, London
	16 – 18	NIGERIA	<i>11th Session Of The Parliamentary Union Of The OIC Member States (PUIC) Council</i> , Niamey, Niger
	16 – 17	COLOMBO	<i>Regional Forum On Hunger</i> di Colombo
	23 – 24	MALAYSIA	Persidangan <i>Asian Parliamentary Assembly (APA) Sub-Committee On Financial Crisis</i> di Kuala Lumpur
	27	KESATUAN EROPAH	Kunjungan hormat Pengurus Kesatuan Parlimen Eopah, H.E. Hartmut Nassauer.

PORTEFOLIO



Lawatan Kerja Pegawai-pegawai Kanan
Sekretariat Senat Thailand ke Parlimen Malaysia
15 September 2008



Lawatan Clerk of House of Commons United Kingdom,
Dr. Malcolm Jack ke atas Setiausaha Dewan Rakyat,
Datuk Roosme Hamzah 22 September 2008



Lawatan Delegasi Jawatankuasa Parlimen Kenya ke
atas Ketua Pentadbir, Datuk Kamaruddin Mohamed
Baria 13 Oktober 2008

LAWATAN PEMIMPIN LUAR NEGARA KE PARLIMEN MALAYSIA

PORTEFOLIO



**Kunjungan Hormat Menteri Luar India, H.E. Vayalar Ravi ke atas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz
13 Oktober 2008**



Lawatan Delegasi Pegawai Kanan Pentadbiran Negara Singapura ke atas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Ronald Kiandee 30 Oktober 2008



**Kunjungan Hormat Pengerusi Kesatuan Parlimen Eropah, H.E. Hartmut Nassauer ke atas Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia
27 Februari 2009**



**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 2009**

BAJET 2009 bertemakan Kerajaan Prihatin dan selaras dengan lima misi nasional akan menumpukan kepada tiga strategi khusus iaitu:-
(i) menjamin kesejahteraan rakyat;
(ii) membangunkan modal insan berkualiti; dan
(iii) memperkuuhkan daya tahan negara.

Dengan strategi dan program telah dicadangkan, sejumlah RM207.9 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2009 iaitu 5.1% lebih tinggi berbanding peruntukan dipinda tahun 2008. Daripada jumlah ini, RM154.2 bilion adalah bagi peruntukan mengurus manakala RM53.7 bilion disediakan bagi peruntukan pembangunan.

Di bawah peruntukan mengurus RM86.3 bilion ataupun 56.6% adalah bagi pemberian dan kenaan bayaran tetap, RM38 bilion untuk emolumen, RM26.5 bilion bagi perkhidmatan dan bekalan, RM2.4 bilion untuk pembelian aset dan RM1 bilion untuk perbelanjaan lain. Bagi peruntukan pembangunan, bahagian terbesar RM27.8 bilion ialah untuk sektor ekonomi.

Sejumlah RM17.8 bilion diperuntukan sektor sosial iaitu pendidikan, kesihatan dan perumahan. Sektor keselamatan menerima RM4.1 bilion dan



pentadbiran RM2.1 bilion manakala bakinya RM20 bilion adalah untuk simpanan luar jangka.

Selain itu sebagai tambahan, pada 4 November 2008, kerajaan juga telah mengumumkan pakej rangsangan fiskal untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Penjimatan RM7 bilion dari subsidi minyak akan digunakan untuk melaksanakan pakej rangsangan fiskal ini dalam pelbagai bentuk langkah-langkah tambahan yang telah di rancang oleh kerajaan dengan teliti untuk kesejahteraan rakyat seluruhnya.



**RANG UNDANG-UNDANG
KEWANGAN 2008**

RANG undang-undang ini untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Rang undang-undang ini dibentangkan adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2009 di samping untuk melaksanakan urusan kerajaan yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2008

AKTA Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang lebih dikenali sebagai AUKU telah digubal dan dikuatkuasakan pada 30 April 1971. Sejak AUKU digubal dan dikuatkuasakan, akta ini telah dipinda sebanyak empat kali, iaitu 24 September 1971 , 13 Mei 1966 , 20 Februari 1983 dan pindaan kali yang terakhir ialah 1 Oktober 1996.

Sejak daripada tarikh tersebut, banyak perkembangan berkaitan pendidikan tinggi sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa telah berlaku. Pindaan AUKU ini akan mendorong kepada pemantapan tiga aspek utama;
(i) urus universiti;
(ii) kebijakan dan hak asasi pekerja universiti; dan
(iii) kebijakan dan hak asasi pelajar universiti.

Selain dari tiga aspek pindaan utama yang telah dinyatakan tadi, rang undang-undang ini turut membuat beberapa perubahan dan penambahbaikan lain termasuklah urusan penubuhan kampus universiti, mengeratkan jalinan kerjasama dengan pihak swasta dan industri, pelucutan ijazah seorang siswazah dan juga pembaharuan takrif pelajar.

Rang undang-undang ini juga akan meluaskan skop takrifan pelajar supaya merangkumi pelajar yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan pada peringkat persediaan, pra ijazah, lepasan ijazah, atau lepasan kedoktoran, sama ada sepenuh masa atau sambilan dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah. Ini akan dapat meluaskan akses pengajian tinggi dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan dapat memantapkan lagi sistem tadbir urus universiti, memberi kebebasan berorganisasi dan berpersatuan kepada pelajar dalam spektrum yang dibenarkan. Mewujudkan budaya ilmiah di kalangan pelajar, menjaga hak dan kebijakan pekerja dan pelajar supaya selaras dengan undang-undang hak asasi manusia seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, menggalakkan keantarabangsaan dan meningkatkan boleh pasaran graduan di pasaran global dan seterusnya memacu Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa.



RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) 2008



AKTA SPRM ini akan mengganti Akta Pencegah Rasuah 1997 iaitu Akta 575 yang telah digubal khusus bagi menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).


Di samping memasukkan peruntukan baru untuk menambah baik usaha pencegahan rasuah, akta ini meningkatkan kuasa-kuasa penyiasatan Pegawai Suruhanjaya dan mengadakan peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan serta perbicaraan kesalahan rasuah di mahkamah.

Menyedari keberkesanan usaha pemberantasan rasuah amat bergantung kepada keupayaan agensi pencegahan rasuah, maka kerajaan terus komited untuk memperkasakan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dengan menjadikannya sebuah pesuruhjaya melalui penggubalan rang undang-undang ini.

Rang Undang-undang SPRM 2008 dicadangkan ini terbahagi kepada sembilan bahagian dan terdiri daripada 74 fasal dan jadual. Sebahagian besar daripada peruntukan yang terdapat dalam Akta Pencegah Rasuah 1997 masih dikekalkan atau dibuat sedikit penambahbaikan dalam rang undang-undang ini.

Pengekalan peruntukan tersebut dibuat memandangkan ia masih relevan dalam konteks pencegah rasuah di Malaysia. Secara umumnya, rang undang-undang ini akan melibatkan perluasan, tafsiran beberapa istilah penting, pembentukan beberapa mekanisme tanggungjawab, kesalahan penyogokan pegawai awam asing, perluasan bidang kuasa penyiasatan dan beberapa peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan serta perbicaraan kesalahan rasuah di mahkamah.

Rang undang-undang ini mampu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan, memperbaiki persepsi, kebebasan dan ketelusan serta meningkatkan tahap profesionalisme suruhanjaya. Sokongan daripada beberapa mekanisme, tanggungjawab yang diwujudkan akan memastikan suruhanjaya akan bertindak dengan telus selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat.



RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN 2008

RANG undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008 dibentangkan untuk:

- (i) menubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang mencadangkan calon-calon untuk memenuhi jawatan hakim-hakim mahkamah atasan;
- (ii) menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya tersebut di bawah rangka Perlembagaan Persekutuan;
- (iii) mendukung kebebasan berterusan Badan Kehakiman; dan
- (iv) mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

Rang undang-undang ini terbahagi kepada lima bahagian.

- Bahagian I adalah perkarapermulaan, mengandungi

tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa akta, pemakaian akta serta tafsiran beberapa istilah yang digunakan. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan khusus untuk Perdana Menteri mendukung kebebasan berterusan badan kehakiman.

- Bahagian II, mengandungi perkara-perkara berhubungan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman termasuk keanggotaan, had tempoh jawatan, syarat mesyuarat dan lain-lain.
- Bahagian III, mengandungi fungsi dan kuasa suruhanjaya.
- Bahagian IV, mengandungi proses serta kriteria pemilihan calon-calon hakim mahkamah atasan termasuk untuk jawatan Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan hakim-hakim besar Mahkamah Tinggi.
- Bahagian V, mengandungi perkara-perkara am perjalanan suruhanjaya seperti laporan tahunan, pencegahan, kesulitan atau anomali dan lain-lain.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) (NO. 2) 2008

RANG undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pencen 1980 (Akta 227) iaitu undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan dan pencen bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri.

Secara khususnya pindaan rang undang-undang ini ialah untuk melaksanakan beberapa dasar baru mengenai skim faedah persaraan dan faedah terbitan yang telah pun diluluskan oleh kerajaan pada tahun ini. Dasar-dasar baru tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Dasar Pemansuhan Syarat permastautinan di Malaysia bagi pemberian pencen terbitan melebihi 12 setengah tahun dan pemberian pelarasan pencen yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008 yang lalu.
- (ii) peningkatan tempoh perkhidmatan maksimum yang dimasuk kira bagi penghitungan pencen daripada 25 tahun kepada 30 tahun berkuat kuasa 1 Januari 2009;
- (iii) pembayaran pencen terbitan atas kadar penuh bagi seumur hidup penerima iaitu tanpa susutan kepada 70% selepas 12 setengah tahun daripada tarikh persaraan atau kematian dalam perkhidmatan berkuat kuasa 1 Januari 2009; dan
- (iv) pemberian opsyen semula kepada pegawai tetap perkhidmatan awam yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai Skim Faedah Persaraan untuk memilih Skim Pencen yang mana pemilihan semula ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN (PINDAAN) 2008

RANG undang-undang bagi meminda Akta Pencen 1980, Akta 227 dan rang undang-undang bagi meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 iaitu Akta 239 telah di luluskan dan kedua-dua akta tersebut adalah terpakai hanya bagi anggota yang telah bersara atau meninggal dunia atau pada selepas tarikh pelarasan gaji sektor awam yang terkini iaitu pada 1 Julai 2007.

Pesara serta ahli keluarga tanggungan yang sedang menerima pencen bagi persaraan atau kematian dalam perkhidmatan sebelum 1 Julai 2007 adalah tertakluk kepada undang-undang yang lain iaitu Akta Penyelaras Pencen 1980, Akta 238. Akta ini menjaminkan supaya mereka diberi penyelaras pencen setiap kali anggota yang sedang berkhidmat menerima penyelaras gaji.

Di samping memanjangkan kepada mereka prinsip-prinsip pemberian pencen yang terpakai bagi generasi pesara selepas mereka. Oleh yang demikian, golongan ini wajar menikmati dasar baru berkaitan pemansuhan syarat permastautinan di Malaysia bagi menerima pencen terbitan melebihi 12 setengah tahun dan penyelaras pencen serta dasar baru bagi pemberian pencen terbitan penuh seumur hidup iaitu tanpa susutan ke 70%.

Kerajaan juga telah bersetuju supaya tempoh maksimum yang diambil kira bagi penghitungan pencen bagi golongan ini juga dinaikkan daripada 25 tahun kepada 30 tahun. Pindaan Rang undang-undang ini adalah bagi meminda Akta 238 untuk membolehkan tiga dasar baru dipanjangkan kepada pesara dan ahli keluarga tanggungan sehubungan persaraan atau kematian dalam perkhidmatan sebelum 1 Julai 2007.

Sudah pasti pemberian atas kadar lebih tinggi ini akan membantu mereka menampung kos sara hidup dan menambahkan keselesaan hari tua mereka. Sebagai balasan kerajaan mengharapkan bahawa mereka akan terus menyumbang kepada negara dengan cara melibatkan diri dalam kerja-kerja amal serta kebajikan yang boleh membantu masyarakat sejauh mana mereka mampu.

RANG UNDANG-UNDANG

PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) (NO. 2) 2008


RANG undang-undang ini bertujuan memanjangkan dasar-dasar baru yang sama kepada pekerja-pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan. Pelaksanaan dasar-dasar baru persaraan dan pencen terbitan ini akan dapat meringankan beban kewangan golongan pesara dan penerima pencen dalam menghadapi suasana kehidupan seharian yang semakin mencabar.

Di samping itu, adalah diharapkan anggota yang sedang berkhidmat akan menunjukkan penghargaan bagi pemberian ini dengan cara sentiasa memberi perkhidmatan sebaik-baiknya kepada rakyat dan negara.



RANG UNDANG-UNDANG

SARAAN HAKIM (PINDAAN) (NO. 2) 2008




SECARA khususnya pindaan Rang Undang-Undang Saraan Hakim (pindaan) (No 2) 2008, dikemukakan untuk melaksanakan empat dasar baru mengenai Skim Faedah Persaraan dan Faedah Terbitan yang telah pun diluluskan oleh kerajaan kesinambungan daripada pindaan Akta Pencen 1980 iaitu Akta 227, rang undang-undang yang meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 iaitu Akta 279 dan rang undang-undang yang meminda Akta Penyelarasaran Pencen 1950 iaitu Akta 238 iaitu tiga undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan dan pencen bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri serta badan-badan berkanun dan pekerja kuasa tempatan.




Walaupun dasar-dasar baru mengenai kaedah persaraan dan terbitan tersebut diputuskan untuk pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri serta pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan kuasa tempatan, prinsip yang sama mengenai syarat permastautinan serta syarat susutan kadar pencen terbitan 70% daripada kadar pencen asal terpakai juga bagi hakim di bawah Akta Saraan Hakim, Akta 45.


Oleh yang demikian, akta tersebut perlu dipinda selaras dengan prinsip layanan sama rata bagi semua anggota dan perkhidmatan Persekutuan seperti mana yang termaktub dalam Perkara 136, Perlembagaan Persekutuan. Pindaan ini membolehkan bekas hakim serta ahli keluarga tanggungan hakim turut menikmati pelaksanaan dasar baru yang telah dipersetujui oleh kerajaan.

ZOOM



Parlimen Malaysia





AUTOGRAF

